



**SIARAN AKHBAR  
MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN  
KEPADA MANGSA-MANGSA BANJIR BAGI DAERAH TUTONG**

**Tutong, Selasa, 4 September 2018** – Kejadian hujan lebat yang berlaku secara berterusan dalam bulan Februari 2018 yang lalu telah mengakibatkan kejadian banjir kilat di beberapa kawasan rendah di negara ini sehingga menyebabkan kerosakan kepada rumah-rumah di 15 buah kampung di Daerah Tutong.

Bagi meringankan beban mangsa-mangsa tersebut, satu majlis penyampaian bantuan kewangan kerajaan sejumlah BND140,000.00 telah disampaikan kepada 280 orang mangsa banjir yang terjejas dan diadakan pagi ini di Dewan Serbaguna Serabangun, Tutong.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kerajaan kepada mangsa-mangsa tersebut ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis turut dihadiri oleh Yang Berhormat Haji Umarali bin Esung dan Yang Berhormat Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya; Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Awang Haji Adnan bin Haji Adam, Wakil Pegawai Daerah Tutong; Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd Tahir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat; pegawai-pegawai kanan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Jabatan Pembangunan Masyarakat serta para penghulu dan ketua kampung daripada kawasan-kawasan yang terjejas.

Bantuan kerajaan yang dihulurkan ini adalah diharapkan sedikit sebanyak akan dapat membantu meringankan kesusahan yang dialami oleh para mangsa dan keluarga mereka untuk meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

### Tamat ###

*Dikeluarkan Oleh:*

*Unit Perhubungan Awam*

*Jabatan Pembangunan Masyarakat*

*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

*Negara Brunei Darussalam*

*Tarikh: 23 Zulhijjah 1439 / 4 September 2018*